

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Kumpulan AmBank terus berusaha untuk “memberi balik” kepada masyarakat dan komuniti yang di dalamnya ia beroperasi, melalui pelbagai tindakan yang telus, bermakna dan beretika. Kejayaan dan pengekalan kedudukan Kumpulan terutamanya dikaitkan kepada pasaran, komuniti, tenaga kerja Kumpulan serta persekitaran.

Tanggungjawab kepada Pasaran

Kesihatan, kerancangan dan pertumbuhan pasaran bergantung kepada sinergi berterusan melalui usaha berkumpulan, pertukaran ilmu dan inovasi dalam penghasilan sistem perniagaan yang lebih baik, penyelesaian lebih baru dan produktif untuk pelanggan, serta akses lebih inovatif kepada sumber-sumber seperti pendanaan. Kumpulan AmBank telah menerima Anugerah Merit untuk Anugerah CSR Perniagaan Malaysia 2007 dalam kategori “Inovasi Terbaik dalam Tanggungjawab Sosial Korporat”.

Dari segi inovasi pasaran, AmInvestment Bank telah bertindak selaku pengatur dan penasihat utama Program Sukuk Ijarah bernilai RM300 juta oleh Al-Aqar Capital Sdn Bhd. Ini merupakan kali pertama program sekuriti Islam dikeluarkan oleh REIT (Amanah Pelaburan Harta Tanah). Dana ekuiti dagangan bursa pertama di Malaysia, iaitu FBM30etf, telah disenaraikan di Bursa Malaysia. AmAssurance turut menyediakan produk-produk unik untuk pendanaan bersara dan pendidikan melalui Pelan AmFlexi dan Pelan Pendidikan AmFlexi.



Dari kiri: En. Clement Heng, [Pengurus Besar, Jualan Agensi (Hayat)], En. Alex Tan, [Ketua Komunikasi Korporat dan Pemasaran], dan En. Ng Lian Lu, [Ketua Pegawai Eksekutif, AmAssurance Berhad], merasmikan pelan AmFlexi.

Kumpulan AmBank meneruskan usahanya untuk menghasilkan produk-produk terbaik di samping memudah carakan penyelesaian baru dan khas untuk kemudahan pelbagai kumpulan pelanggannya. Kad kredit jenama bersama AmBank NexG telah memulakan perikatan dengan rantaian pawagam (Cathay Cineplex), institusi pendidikan (Kolej Metropolitan) serta penyedia telekomunikasi prabayar (Telekom Malaysia) dan menawarkan faedah-faedah menarik kepada kumpulan pelanggan ini. Di samping itu, pekerja-pekerja asing diberikan pilihan lebih mudah untuk mengirim wang kepada negara rumah mereka melalui Kad Kredit Prabayar Amasu AmBank. Amasu (M) Sdn Bhd menawarkan perkhidmatan latihan dan rundingan untuk pelbagai sektor dalam industri tenaga kerja asing.

Portal perdagangan elektronik AmSecurities telah dijenamakan semula dan kini menyediakan ciri-ciri dan kelajuan lebih baik kepada pelanggan perdagangan elektronik.

Untuk mengekalkan kekuatan jenama di dalam sektor kewangan, Kumpulan AmBank telah mengambil pendekatan baru melalui pelancaran kempen “Let Us Make You Smile” yang turut menandakan fasa baru dalam komitmen terhadap kecemerlangan perkhidmatan pelanggan di seluruh kumpulan. Amalan penjenamaan Kumpulan telah mendapat iktiraf pasaran apabila Kumpulan AmBank berjaya disenaraikan oleh 4As sebagai salah satu daripada 30 syarikat teratas dalam senarai “Jenama Paling Berharga Malaysia ‘07”.

Kumpulan AmBank berkongsi pengetahuan dan kepakarannya dengan lain-lain peserta pasaran dan ini jelas dilihat sepanjang tahun melalui pelbagai tajaan dan penyertaan dalam persidangan, forum dan mesyuarat industri. Ini termasuk acara tahunan Invest Malaysia yang keempat bagi komuniti pelabur antarabangsa, Persidangan Dana Islam Asia yang merupakan Persidangan Perbankan Malaysia ke-11, Forum Pengeluar dan Pelabur Kewangan Islam Malaysia 2007, Persidangan Pasaran Modal Serantau dan Persidangan IPO Bursa Malaysia.



Suasana meriah di permulaan Maraton Antarabangsa AmBank Kuala Lumpur

Di samping itu, Tan Sri Dato' Azman Hashim, Pengerusi Kumpulan AmBank merupakan Presiden dan ahli panel di Forum Perniagaan Malaysia Jepun manakala ahli-ahli Kumpulan telah menghadiri Persidangan Antarabangsa Pasaran Kewangan Islam Bahrain, Forum Kewangan Pedagang dan Pengusaha Bumiputera, Forum Perniagaan Malaysia-China dan Persidangan Pasaran Modal Malaysia yang ke-12 untuk memberi pandangan dan berbincang tentang isu-isu utama yang dihadapi oleh pasaran hari ini. Untuk membantu usaha mempromosikan produk dan perkhidmatan kewangan Islam kepada pengguna, AmIslamic Bank Berhad telah menyertai Ekspo Kempen Kesedaran Kewangan Islam (KEKWI) dan turut mempromosikan kesedaran tentang insurans deposit dan perlindungan pengguna di Pameran Kewangan Malaysia (MYFex).

Perkongsi dan perikatan untuk saling memanfaatkan kekuatan, meluaskan rangkaian pengedaran, mempertingkatkan pembangunan produk dan menambahkan tembusan pasaran turut ditandatangani seperti perjanjian antara AmBank (M) Berhad dengan Telekom Malaysia Berhad dan MCM Wireless Sdn Bhd. Perkongsi AmIslamic Bank Berhad dengan Syarikat Jaminan Kredit memudah carakan akses kepada kewangan oleh IKS.

Tanggungjawab kepada Masyarakat

Tan Sri Dato' Azman Hashim telah mengharumkan nama Malaysia di arena sukan antarabangsa dengan penyertaan beliau mewakili warganegara korporat Malaysia di dalam Larian Obor Olimpik Beijing 2008. Maraton Antarabangsa AmBank Kuala Lumpur yang dianjurkan setiap tahun bersama Persatuan Olahraga Amatir Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah diadakan pada Mac 2008 dan sekali lagi menonjolkan Malaysia sebagai pusat sukan antarabangsa. Acara ini berjaya menarik 10,000 peserta dari 42 negara dan sumbangan Kumpulan AmBank sebanyak RM400,000 benar-benar menepati tujuannya.



Tan Sri Dato' Azman Hashim, (Pengerusi, Kumpulan AmBank) mewakili Kumpulan di larian Kuala Lumpur dalam Larian Obor Olimpik Beijing 2008.

Kumpulan AmBank telah membawakan Konsert Sinaran Kuala Lumpur 2008 yang dihadiri oleh YAB Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia, untuk menghiburkan seluruh rakyat Malaysia di Dataran Merdeka sambil mengucapkan selamat tinggal kepada tahun 2007 dan menyambut tahun baru diiringi persembahan bunga api yang hebat.



Menyambut tahun 2008 di Konsert Sinaran Kuala Lumpur, dibawakan oleh Kumpulan AmBank. [Foto daripada New Straits Times Press (Malaysia) Berhad]

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Menyediakan keselesaan dan pengasuhan semasa malapetaka semulajadi

Sekali lagi, Kumpulan AmBank segera menghulurkan bantuan kepada mangsa banjir dengan menghantar warga kerja di samping membiayai pendedaran makanan dan barangan penting bernilai RM40,000 kepada 163 keluarga di pusat-pusat penempatan di Kuantan, Pahang. Di Kelantan, Kumpulan telah menghantar kakitangan untuk mengedarkan makanan bernilai RM50,000 di pusat-pusat penempatan. 80 jaket keselamatan turut disumbangkan kepada Jabatan Bomba dan Jabatan Pertahanan Awam di Sibu. Tahun lepas, Kumpulan telah menderma RM250,000 kepada Dana Pembantuan Mangsa Banjir, diikuti dengan RM50,000 lagi untuk satu program pembantuan makanan yang dianjurkan oleh TV3.



Kumpulan AmBank mengedarkan bekalan semasa operasi pemulihan banjir di Kelantan.

Penekanan Kumpulan terhadap pentingnya sukan untuk memupuk semangat kerja berpasukan dan menggalakkan minda dan badan yang sihat dicerminkan melalui pelbagai acara yang ditaja untuk memanfaatkan rakyat Malaysia termasuk Larian 10km Subang Jaya (tajaan RM10,000), Larian 10km Utusan (RM10,000) dan Perlawanan Bola Sepak dan Bola Jaring Antara Editor (RM10,000). Usaha menggalakkan permainan golf di kalangan belia (berumur 18 tahun ke bawah) diteruskan dengan mengadakan edisi kedua Kejohanan Golf Antarabangsa Kumpulan AmBank – Cross Creek Sport Excel 2007 (Tajaan RM18,090). Kementerian Belia dan Sukan Malaysia telah menganugerahkan AmBank (M) Berhad dengan anugerah khas sempena Hari Belia Kebangsaan 2007 sebagai menghargai perannya dalam pembangunan belia dan negara.



Memberi kasih sayang kepada kaum miskin dan kurang upaya

Memberi kasih sayang kepada anak-anak yatim merupakan satu contoh yang berterusan dan penting untuk program tanggungjawab sosial di Kumpulan AmBank. Semasa sambutan tahunan Hari Raya, kanak-kanak dari Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim Islam Sabak Bernam diberikan baju melayu dan baju kurung dan kemudiannya dijamu dengan hidangan berbuka puasa oleh Tan Sri Dato' Azman Hashim. Sekumpulan 45 orang anak yatim ini juga dibawa melawat dek pemerhatian Menara Kuala Lumpur. Majlis Rahmat Ramadan yang dianjurkan bersama dengan Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta Kementerian Wilayah Persekutuan turut menjamu 6,000 rakyat yang kurang bernasib baik di Dataran Merdeka.



Anak-anak yatim dari Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim Islam Sabak Bernam dijamu di majlis berbuka puasa.

Kaum miskin dan kurang bernasib baik telah ditunjukkan kasih sayang sepanjang tahun. 95 kanak-kanak dari Rumah Tengku Ampuan Rahimah dan The Stepping Stone telah dibawa melawat Taman Tema Cosmo's World di Berjaya Times Square. Rumah Anak-Anak Yatim dan Orang Miskin Paya Rumput dan Sungai Udang Melaka (PAYASUM) menerima sumbangan Zakat sebanyak RM10,000 oleh AmIslamic Bank di samping 86 set beg sekolah dan buku latihan. Penghawa dingin dan penyejuk beku turut disumbangkan kepada penghuni Pusat Jagaan Anbe Sivam sementara sumbangan berjumlah RM40,000 kesemuanya telah dihulurkan kepada Annai Illam, Rumah Bakti, Rumah Charis dan Rumah Amal Limpahan Kasih. Di samping itu, AmIslamic Bank juga membayar zakat perniagaan pertamanya sebanyak RM25,597.91 kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor.

◀ Para pemenang Pusingan Akhir AmBank Group Cross Creek Sport Excel International Junior.

Menyokong dan mempromosikan kecemerlangan dalam pendidikan

Dari segi pendidikan, sumbangan sebanyak RM100,000 telah dibuat kepada dana pembangunan Kolej WIT iaitu kolej kejuruteraan dan pusat teknikal utama untuk pembangunan sumber manusia di Malaysia. Amaun berasingan sebanyak RM80,000 selama dua tahun telah diberi untuk memulakan Anugerah Group Resident Fellowship Kumpulan AmBank yang ditawarkan kepada ahli fakulti dan sarjana untuk menggalakkan pemikiran dan penyelidikan baru di dalam kepimpinan Malaysia di Yayasan Kepimpinan Perdana di Putrajaya. RM10,000 setiap seorang telah disumbangkan kepada tiga pelajar sebagai biasiswa di bawah Biasiswa Merdeka ke-50 Persatuan Bank-bank di Malaysia (ABM).



Dari kiri: Puan Fauziah Yacob, (Pengaroh, Sumber Manusia Kumpulan) dan tiga penerima biasiswa sumbangan Kumpulan AmBank sebagai sebahagian daripada Biasiswa Merdeka ke-50 Persatuan Bank-bank di Malaysia

Di Ekspo Merdeka yang bertujuan mempamerkan pelbagai sektor yang telah menyumbang kepada pembangunan negara sepanjang 50 tahun pertama semenjak kemerdekaan, gerai Kumpulan AmBank telah dipilih sebagai 'Gerai Paling Popular (Kategori Korporat)'.

Di samping itu, Kumpulan AmBank telah menyumbang makanan dan minuman bagi pertandingan Vintage Car Concours kelima, yang diadakan sempena sambutan Kuala Lumpur Grand Prix. Para wartawan turut diberi pengiktirafan yang sewajarnya di Malam Wartawan Malaysia 2007, di mana Kumpulan telah menyumbangkan RM7,500. Persatuan Diabetes Malaysia pula menerima RM10,000 untuk program penyelidikan dan pendidikannya.

Untuk menggalakkan keselamatan di jalan raya semasa musim perayaan Hari Raya dan Deepavali, AmAssurance telah menganjurkan kempen "Drive Safely. We care" yang bertujuan untuk mendidik pengguna jalan raya tentang undang-undang dan peraturan trafik di samping memupuk perengai memandu yang baik melalui aktiviti-aktiviti di perhentian rehat dan pusat membeli-belah dan melalui hadiah-hadiah percuma yang membawa mesej keselamatan jalan raya.



Aktiviti-aktiviti santai diadakan sebagai sebahagian daripada kempen "Drive Safely. We Care" oleh AmAssurance.

Tanggungjawab ke atas Tempat Kerja

Kumpulan AmBank komited untuk meningkatkan kesejahteraan staf.

Melalui Kelab AmBank Group (KAG), Kumpulan telah menganjurkan pelbagai pertandingan sukan dan permainan popular untuk memupuk semangat kecemerlangan yang positif. Penyertaan antara organisasi termasuk Pertandingan bola sepak dan futsal antara Institusi-institusi Kewangan. Sukan Persatuan Bank Pelaburan Malaysia (MIBA) menyaksikan AmInvestment Bank merangkul gelaran Johan Keseluruhan buat kali ke-21 semenjak 1980 apabila Sukan MIBA dimulakan. AmInvestment Bank menjuarai acara tenis meja, catur, badminton, tenis, pool 9 bola, bola jaring, futsal, dart dan bola sepak. Buat pertama kalinya, Kumpulan AmBank berjaya memenangi Piala Governer (bola sepak). Lain-lain aktiviti yang dianjurkan melibatkan penggunaan akal, daya kreatif dan semangat kerja berpasukan seperti acara Mencari Harta Karun- 'Hunt Tuah' dan 'Pirates of the AmCaribbean'. Perlawanan Boling Sambutan Hari Merdeka ke-50 KAG telah memasuki Buku Rekod Malaysia sebagai "Pertandingan Boling Terbesar". Cabaran AmBank VIII telah menarik 252 peserta dalam 63 kumpulan. Cabaran ini menguji kekuatan dan ketahanan peserta dan memerlukan semangat kerja berpasukan serta kewaspadaan minda. Para peserta dikehendaki mengayuh menaiki bukit, menyertai perjalanan trek hutan dan larian 15km melalui trek hutan, tanah berpayau dan tasik di samping acara kayak, memanah, berlayar, merentas desa dan ujian misteri. AmGames berjaya menarik staf dari semua bahagian Semenanjung Malaysia untuk menyertai pelbagai acara sukan berpasukan.

Daya kreatif staf telah diuji melalui peraduan menamakan portal intranet AmOnline Kumpulan di mana ganjaran RM300 telah diberi kepada staf yang berjaya. Di samping itu, mereka yang minat menyanyi diberi peluang untuk menunjukkan bakat dan merebut hadiah tunai RM2,500 serta sebuah piala di AmBagus, pertandingan bakat tahunan Kumpulan AmBank.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Program AmGraduate telah dimulakan untuk memupuk pemimpin masa depan Kumpulan. Melalui program intensif 12 bulan, calon-calon telah ditugaskan ke tiga bahagian kerja secara bergilir untuk menentukan pilihan kerja terbaik untuk calon tersebut, lengkap dengan peluang penukaran sementara di dalam dan di luar negara.

Latihan serta kursus kemahiran dan pembangunan turut dijalankan sepanjang tahun termasuk sesi "Problem Solving and Critical Thinking", "Impactful Managerial Skills", "Team Leadership" dan "Consumer Sales Orientation" sementara Pusat Sumber AmIslamic Bank telah ditubuhkan untuk menyokong penyelidikan, pendidikan, latihan dan pembangunan staf. AmBank Group Toastmasters Club telah memenangi kedua-dua peraduan Area P2 International Speech dan Table Topics yang diadakan di Kuala Lumpur.

AmAssurance telah mengadakan Seminar Konvensyen Kebangsaan ke-19 "Stars of the Red Carpet" di mana ejen-ejen tertinggi Perkhidmatan Kewangan AmBank telah diberi pengiktirafan dan dihadiahkan percutian ke Seoul dan Sydney. AmFraser Securities Pte Ltd di Singapura turut mengiktiraf sumbangan staf dengan menghadiahkan mereka pelayaran persiaran SuperStar Virgo ke Selat Melaka selama tiga hari dua malam.

Hari Keluarga tahunan Kumpulan AmBank merupakan suatu hari istimewa di mana staf dan pengurusan bergaul mesra di dalam suasana santai dan bukan formal sambil menikmati hidangan, permainan dan persembahan yang disediakan. Tradisi Hari Keluarga ini terus diadakan untuk pelbagai wilayah termasuk mereka yang berada di Fort Cornwallis, Pulau Pinang (Wilayah 1), Port Dickson, Negeri Sembilan (Wilayah 9), Cherating, Pahang (Wilayah 5), Desaru, Johor (Wilayah 4), Clearwater Sanctuary Golf Resort, Batu Gajah, Perak (Wilayah 2). Anugerah Khidmat Lama telah disampaikan kepada mereka yang telah berkhidmat selama 15 hingga 25 tahun.



Permainan menyeronokkan di Hari Keluarga di Desaru, Johor Darul Takzim.

Tanggungjawab kepada Alam Sekitar



Encik Mustafa Mohd Nor (Penasihat Ekonomi, AmInvestment Bank Group, dan Presiden, Kelab AmBank Group), di majlis penyerahan cek bagi penajaan tahunan ke-22 dan ke-23 unta Dromedary Zoo Negara.

Bersempena penajaan tahunan ke-22 dan ke-23 unta Dromedary Zoo Negara sebanyak RM40,000 setiap tahun, majlis penyerahan cek bernilai RM80,000 telah diadakan di tapak dan turut membawakan acara interaktif istimewa "The First and The Longest Camel Footprints in Zoo Negara" dimana seramai 97 ahli Simpanan G.A.N.G, ibu bapa mereka dan 549 staf Kumpulan AmBank mengambil bahagian.

Penjagaan alam sekitar dijalankan melalui pelbagai amalan operasi seperti mengitar semula kertas, mencetak di kedua-dua belah kertas, mengurangkan penggunaan cetak berwarna dan meminimumkan cetakan di mana penghantaran elektronik sudah memadai. Toner dan sistem komputer dikitar semula dan dibuang secara betul. Kumpulan juga bermatlamat untuk menumpukan fokus urus niaga perniagaannya kepada organisasi yang mengamalkan amalan mesra alam sekitar.

Memandangkan harga minyak telah meningkat, Kumpulan AmBank telah mengambil langkah-langkah untuk memastikan penggunaan tenaga yang efisien bagi mengurangkan pembaziran. Bangunan Kumpulan AmBank, Menara AmBank dan Pusat Kepimpinan Kumpulan AmBank turut dinamakan sebagai bangunan 'Dilarang Merokok' dan perancangan sedang dibuat untuk meluaskan peraturan ini kepada bangunan-bangunan lain Kumpulan.

Untuk menyediakan persekitaran yang lebih menenangkan bagi pelanggan menjalankan urusan perbankan, Kumpulan telah mencantikkan lagi premis dengan menghiasinya dengan bunga-bunga berwarna-warni dan tumbuh-tumbuhan hijau.

Bank Persendirian Tempatan Terbaik Malaysia.

Pasukan perbankan kami tahu apa yang perlu untuk memastikan perniagaan anda berjaya dan kami sentiasa berusaha untuk memberikan yang terbaik kepada anda.



Dari kiri: Encik T C Kok (Pegawai Urusan, AmInvestment Bank), YBhg Tan Sri Dato' Azman Hashim (Pengerusi, Kumpulan AmBank), Encik Marcus Langston (Pegawai Penerbitan – Asia, Euromoney), dan Puan Pushpa Rajadurai (Pegawai Eksekutif, AmInvestment Bank).

**Meskipun telah diundi sebagai bank yang terbaik,
kami tetap memastikan perkhidmatan kami kekal terbaik
untuk anda.**

Anda pasti tersenyum.™

AmBank | AmInvestment Bank Group | AmIslamic Bank | AmAssurance

